

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

TARIKH : 9.6.2015

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan tempat jagaan kanak-kanak demi kemudahan guru-guru yang mempunyai anak-anak di setiap sekolah supaya anak mereka boleh dijaga dan dibela di bawah pusat tersebut ketika ibu bapa sedang mengajar di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tiada halangan untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di sekolah-sekolah dan menyambut baik saranan Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga supaya semua agensi kerajaan mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak untuk menyediakan kemudahan kepada kakitangan mereka.

KPM juga telah menerima banyak permohonan daripada pihak pentadbiran sekolah serta agensi swasta untuk mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak di sekolah. Walau bagaimanapun, pihak yang berhasrat untuk melaksanakan pusat jagaan di sekolah perlu mematuhi

akta dan syarat yang ditetapkan oleh KPM dan akta di bawah Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga.

KPM juga akan bekerjasama dengan Bahagian PERMATA, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk melihat cadangan menubuhkan Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) bagi kanak-kanak berumur 4 tahun ke bawah dalam premis sekolah KPM di seluruh negara. Sebagai langkah permulaan, KPM telah mengenal pasti 11 buah sekolah sebagai cadangan untuk ditubuhkan PAPN.

RJM71